

# SAPLI 2021 KONGSI PENYELIDIKAN KOLABORASI 3 BUAH UNIVERSITI

**Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 September. - Sebanyak 65 buah kertas kerja dibentangkan dalam 12 sidang selari sebelah pagi semasa berlangsungnya Seminar Antara Universiti Pengajian Lepasan Ijazah 2021 Kali Ke-6 (SAPLI 2021), yang diadakan secara maya, hari ini.

Seminar yang bertemakan 'Kualiti dan Integriti dalam Penyelidikan : Cabaran dan Prospek' itu dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Pengajian Siswazah dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia dan Universitas Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin Banten, Indonesia.

Hadir merasmikan seminar tersebut Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Tetamu kehormat dalam ucapan menyatakan, bahawa penyelidikan dan pendidikan, khususnya di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah sangat signifikan dan tidak dapat dipisahkan, di mana kecemerlangan sesebuah IPT, sama ada di peringkat serantau juga antarabangsa dinilai, dari segi pencapaian di bidang penyelidikan yang dilaksanakan oleh institusi-institusi tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan,

**SEMINAR** Antara Universiti Pengajian Lepasan Ijazah 2021 Kali Ke-6 (SAPLI 2021), yang diadakan secara maya.

sempena Majlis Haflut Takharruj Ke-5 UNISSA Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi, untuk melihat UNISSA bergerak cepat dalam memantapkan profil penyelidikannya. Jika kedua-dua aspek, pengajaran dan penyelidikan dimantapkan, UNISSA akan melonjak selaku sebuah universiti Islam ternama di dunia.

Dalam hasrat untuk mendukung tith baginda tersebut, jelasnya, UNISSA melalui penglibatan para pelajar dan tenaga akademik berperanan penting dalam meningkatkan mutu bidang penyelidikan dengan menggunakan pendekatan yang jitu, yang dapat memperkembangkan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi dalam kalangan tenaga akademik juga pelajar, yang bukan sahaja dapat menyumbang kepada kemajuan bidang penyelidikan di negara ini, tetapi juga sebagai rujukan kepada negara-negara luar.

Ini juga selaras dengan fungsi teras sesebuah universiti, di mana ia tidak hanya terbatas pada bidang pengajaran akademik, tetapi juga harus menumpukan pada bidang Penyelidikan dan Pembangunan (Research and Development), jelas tetamu kehormat majlis.



Dalam seminar berkenaan, sambutan para akademik mahupun para siswazah untuk berkolaborasi dalam SAPLI 2021, sangat menggalakkan, di mana dengan penglibatan pelajar daripada tiga buah universiti berkolaborasi telah mengongsikan hasil penyelidikan masing-masing.

Sambutan ini sedikit sebanyak mencapai objektif, antaranya untuk memperhebat perkongsian ilmiah dalam kalangan tenaga akademik mahupun pasca siswazah yang kreatif dan berkualiti, di samping bertujuan untuk menjalin dan

mengerat hubungan ukhuwah di antara warga IPT Serantau.

Pada sebelah pagi, hari ini, sebanyak tiga kertas kerja ucaprama dibentangkan oleh tenaga akademik berkemahiran, mewakili setiap universiti penganjur, terdiri daripada Profesor Dr. Haji Abdul Hafiz bin Haji Omar dari UNISSA; Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Siswazah (PPS), KUIS, Profesor Madya Dr. Nor 'Adha binti Ab Hamid; dan Direktur Program Pascasarjana, Universitas Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin (UIN SMH)

Banten, Prof. Dr. H. Ilzamuddin Ma'mur, M.A.

Turut hadir menyaksikan seminar berkenaan, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pengarah Pusat Pengajian Siswazah UNISSA, Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah selaku Pengerusi Bersama JKK Sapli 2021; Pemangku Timbalan Rektor UNISSA; Pendlong-penolong Rektor UNISSA; Pegawai-pegawai Utama UNISSA, KUIS dan UIN Banten; para Pensyarah dan Pelajar Siswazah.

## Memperkasa pendidikan Islam, berpaksikan Al-Quran, As Sunah

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 23 September. - Falsafah pendidikan Islam perlu diterima sebagai satu usaha pencarian yang terbaik secara berterusan dalam mengenal pasti dan menyampaikan ilmu; membentuk kemahiran; serta memupuk penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As Sunah sepanjang hayat.

Kaedah ini bermatlamat melahirkan manusia yang berilmu; berkeperibadian mulia; berkemahiran; berinovatif; dan bersikap positif untuk mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Tujuan utama falsafah pendidikan diwujudkan adalah untuk melahirkan individu Muslim yang mampu menjadi hamba dan khalifah Allah Subhanahu Wata'ala yang bertakwa berdasarkan pendekatan Al-Quran dan As Sunah.

Perkara itu antara yang dijelaskan oleh Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Haji Mohd. Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk selaku ahli panel pada Nadwah Khas sempena Hari Guru Tahun 2021 yang bertajuk 'Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar'.

Nadwah Khas tersebut disiarkan di Rangkaian Nur Islam 93.3 FM, petang tadi.

Menurutnya, secara umumnya, kita mahukan pendidikan itu dapat

melahirkan masyarakat atau para pelajar yang seimbang.

"Pendidikan berkualiti setentunya mampu melahirkan masyarakat yang akan dapat mengamalkan segala ilmu yang mereka pelajari untuk kecemerlangan di dunia dan akhirat," ujarnya.

Beliau menambah, kita sepatutnya mampu melahirkan pelajar-pelajar yang memenuhi peranan sebagai khalifah dan hamba Allah Subhanahu Wata'ala.

"Manusia sememangnya berpotensi untuk menjadi khalifah di muka bumi ini, iaitu untuk memimpin, mentadbir dan mengimarakkan bumi ini," katanya.

Beliau menambah, kualiti kehidupan ummah ditentukan oleh kualiti pendidikan anggota masyarakat berkenaan.

"Kualiti kehidupan perlu diterima sebagai tonggak kesejahteraan di dunia dan di akhirat yang lahir daripada penghayatan terhadap ajaran Islam secara menyeluruh ke arah mewujudkan masyarakat yang seimbang," jelasnya lagi.

Sejarah peringkat awal perkembangan Islam, jelasnya lagi, ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam pada mulanya disampaikan di rumah Rasulullah dan sahabat baginda.

"Rasulullah menyampaikan ilmu-ilmu Islam di peringkat atas khasnya ilmu aqidah dan akhlak. Kedua-dua ilmu ini yang terlebih dahulu ditekankan (oleh Baginda)," terangnya.

Mengulas mengenai pendidikan dalam era teknologi yang serba

canggih ini, beliau melihat kemajuan berkenaan dari sudut positif dan negatif.

Menurutnya, pendidikan pada masa sekarang jauh lebih mudah berbanding sebelumnya kerana buku-buku dan maklumat

mudah untuk diperoleh. Walau bagaimanapun katanya, dalam masa yang sama, kita dihujani dengan ledakan maklumat yang boleh memberikan pengaruh negatif.

Oleh itu, tambahnya, para pelajar

perlu lebih bijak dalam membuat penilaian mengenai maklumat apa yang penting serta boleh diterima dan sebaliknya. Beliau turut menekankan akan kepentingan menjaga etika dan adab ketika dalam penggunaan media sosial.



### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.'Pembelajaran Dalam Talian Rangsang Kemahiran IT'. Tarikh Tutup : 29 September 2021

2.'Menghargai Nikmat Air'. Tarikh Tutup : 6 Oktober 2021

3.'Menjaga Diri Daripada Melakukan Perkara Sia-sia'. Tarikh Tutup : 13 Oktober 2021

### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.

2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan

Lapangan Terbang Lama, Berakas

Bandar Seri Begawan, BB3510

Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi

**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang